

MEMBACA MASA SILAM KADAZANDUSUN
BERASASKAN MITOS DAN LEGENDA

Oleh:

LOW KOK ON

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

November 2003

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Noriah Taslim, Penyelia Utama, dan Dr. Jelani Harun, Penyelia Kedua penulis. Tanpa titik peluh, bimbingan dan galakan daripada mereka yang tidak terhingga buat selama beberapa tahun, tesis ini tidak mungkin terbentuk sebagaimana yang ada pada sekarang.

Penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pemberi maklumat, yang tersenarai di Lampiran 1 dan Lampiran 2, pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephen (Sabah), Perpustakaan Muzium Negeri Sabah dan Arkib Negeri Sabah kerana telah memberikan bantuan dari segi pembekalan maklumat untuk membolehkan penyelidikan ini dilaksanakan.

Penulis turut terhutang budi kepada beberapa individu dan rakan karib seperti Profesor Dr. Ahmat Adam, Dr. Jason Lim Miin Hwa, Ismail Ibrahim, Saidatul Nornis, Asmiaty Amat, Veronica Petrus Atin, Benedict Topin, Rita Lasimbang, Misterin Radin, Mary Ellen Gidah, Pamela Petrus, Ooi Beng Keong, Ch'ng Kim San, Ong Giak Siong, Samsurina Mohamad Sham, Geoffrey Tanakinjal dan beberapa orang individu lain yang telah memberikan sokongan moral dan bantuan kepada penulis.

Kepada isteri tersayang Goh Moi Hui, dan anak-anak yang dikasihi, iaitu Low Wei Shang dan Low Wei Ying, kalianlah yang menjadi ubat penawar dan pemberi semangat, tatkala penulis sedang bergelut dengan ombak besar dan terpijak ranjau dalam proses menyiapkan tesis ini. Tanpa pengorbanan kalian sedemikian rupa, penghasilan tesis ini pasti tidak akan menjadi kenyataan.

LOW KOK ON
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
18 NOVEMBER 2003

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
 BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Penyelidikan	1
1.2 Orang Kadazandusun : Satu Pengenalan	
1.2.1 Asal Usul Kadazandusun Berasaskan Perspektif Saintis Sosial dan Sejarawan	
1.2.2 Suku dan Subsuku Orang Kadazandusun	
1.2.3 Bahasa dan Dialek Kadazandusun	
1.3 Objektif Kajian	
1.4 Mitos dan Legenda sebagai Korpus Kajian	
1.5 Metodologi dan Bahan Kajian	
1.5.1 Kerja Lapangan	

1.5.2	Bahan Korpus Kajian Sumber Kedua	
1.5.3	Analisis	
1.6	Kajian yang Lepas (<i>Literature Review</i>)	
1.7	Unjuran Bab	
1.8	Penutup	40

BAB 2: PENCIPTAAN ALAM SEMESTA DALAM MITOS KADAZANDUSUN

2.1	Pendahuluan	41
2.2	Gambaran Awal Alam Semesta	
2.3	Penciptaan Alam Semesta	
2.4	Simbol Unsur Alam dalam Mitos Kadazandusun	
	2.4.1 Air dan Campuran Batu dan Daki Sebagai Simbol Penciptaan Unsur Alam	
	2.4.2 Tubuh Tuhan/Dewa Sebagai Unsur Alam	
	2.4.3 Gunung Sebagai Pusat Bumi Yang Suci	
	2.4.4 Gua Sebagai Simbol Wanita	
2.5	Penutup	73

BAB 3: ASAL MANUSIA DALAM MITOS KADAZANDUSUN

3.1	Pendahuluan	75
3.2	Penciptaan Manusia Pertama	
3.3	Unsur-unsur Kelahiran dalam Mitos Kadazandusun	
	3.3.1 Unsur Tanah	
	3.3.2 Unsur Batu	
	3.3.3 Unsur Campuran Air, Tanah dan Batu	
	3.3.4 Unsur Pokok	
	3.3.5 Unsur Buah-buahan	
	3.3.6 Unsur Telur	
3.4	Penutup	123

BAB 4: KOSMOLOGI KADAZANDUSUN

4.1	Pendahuluan	124
4.2	Kosmologi Awal Kadazandusun	
4.3	Kosmologi Kadazandusun Selepas Zaman Penciptaan oleh Tuhan	
4.4	Penutup	157

BAB 5: KEPERCAYAAN, TUHAN, MAKHLUK HALUS, DAN TAHYUL DALAM MASYARAKAT KADAZANDUSUN

5.1	Pendahuluan	158
5.2	Tanggapan Kadazandusun Terhadap Tuhan/Dewa	
5.3	Sifat Tuhan	
5.4	Peranan Tuhan	
5.5	Syurga dan Neraka	
5.6	Kepercayaan Terhadap Makhluk Halus	
	5.6.1 Roh dan Semangat	
	5.6.2 Semangat	
	5.6.3 Semangat Padi	
5.7	Tahyul bagi Orang Kadazandusun	
	5.7.1 Tahyul Terhadap Binatang	
5.8	Penutup	214

BAB 6: PEMBINAAN SUKU, PEMBUKAAN TEMPAT BARU DAN UNSUR KEHEBATAN NENEK MOYANG KADAZANDUSUN

6.1	Pendahuluan	216
6.2	Suku dan Subsuku Kadazandusun Berasal dari Nunuk Ragang	
6.3	Suku Kadazandusun Berasal dari "Hujung Dunia"	
6.4	Asal Suku Dusun Tatana	
6.5	Asal Suku Kadazandusun dari Kampung Inai, Tuaran	
6.6	Teori Kadazandusun Separuh-Cina	
6.7	Pembukaan Tempat Baru Nenek Moyang Kadazandusun	

6.7.1	Legenda Pembukaan Tempat Baru Nunuk Ragang	
6.7.2	Legenda Pembukaan Tempat Baru Kadazandusun dari "Hujung Dunia"	
6.8	Kehebatan Nenek Moyang Kadazandusun	
6.9	Penutup	271

BAB 7: DAPATAN KAJIAN DAN PENUTUP	273
--	------------

BIBLIOGRAFI	281
--------------------------	------------

LAMPIRAN 1: TEKS VERBATIM MITOS DAN LEGENDA KADAZANDUSUN

LAMPIRAN 2: TEKS VERBATIM YANG TIDAK DIPAKAI

SENARAI PETA

Peta 1 : Kawasan Petempatan Utama Orang Kadazandusun	3
Peta 2 : Tempat Pengumpulan Teks Mitos dan Legenda Kadazandusun	27
Peta 3 : Kedudukan Gunung Kinabalu dan Pulau Mantanani di Sabah	143
Peta 4 : Arah Penghijrahan Kadazandusun dalam Teks C	251
Peta 5 : Perbandingan Pembukaan Tempat-tempat Baru Orang Kadazandusun dan Orang Murut	253

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Gambaran Awal Kadazandusun Terhadap Alam Semesta	50
Rajah 2 : Kosmologi Asas	129
Rajah 3 : Kosmologi Awal Kadazandusun	130
Rajah 4 : Variasi Kosmologi Awal dalam Teks A, B, E dan J	133
Rajah 5 : Kosmologi Kadazandusun	148
Rajah 6 : Kosmologi Chewong	150
Rajah 7 : Kosmologi Jainisme	154
Rajah 8 : Hierarki Kepercayaan Politeisme Kadazandusun	168
Rajah 9 : Legenda Kehebatan Buaya Tempatan	263

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Kawasan Petempatan Suku dan Subsuku Kadazandusun	12
Jadual 2: Senarai Nama dan Umur Pemberi Maklumat, Tempat Perolehan Teks dan Nama Teks	29
Jadual 3 : Taburan Mitos Asal Manusia daripada Buah	117
Jadual 4 : Taburan Mitos Asal Manusia daripada Telur	119
Jadual 5 : Perbandingan Antara Ciri-ciri Kosmologi Awal Kadazandusun, Hinduisme dan Kristian	135
Jadual 6 : Tujuh Lapisan "Dunia di Langit" Kadazandusun	138
Jadual 7 : Gunung Sebagai Pusat Bumi	144
Jadual 8 : Tujuh Lapisan <i>Winorun</i> (Bumi)	145
Jadual 9 : Pelbagai Panggilan Khusus, Maksud dan Sifat Semula Jadi Kinoringan	161
Jadual 10 : Isteri-isteri dan Keturunan Zeus	165
Jadual 11 : Roh dan Semangat Baik Kadazandusun	193
Jadual 12 : Roh dan Semangat Jahat Kadazandusun	196

SENARAI SINGKATAN

KCA	Kadazan Cultural Association
KDCA	Kadazan Dusun Cultural Association
KOISSAAN	Persatuan Kebudayaan Kadazan Sabah
S.J.E.	Si Jantan Emas
U.N.	United Nations
UNKO	United National Kadazan Organization
USDA	United Sabah Dusun Association

ABSTRAK

Sehingga masa kini, sesetengah orang Kadazandusun masih mewarisi cerita mitos dan legenda daripada nenek moyang mereka. Berdasarkan teks-teks verbatim hasil daripada kerja lapangan dan koleksi mitos dan legenda yang telah diterbitkan, penyelidikan ini cuba mendekati persepsi orang Kadazandusun terhadap aspek-aspek seperti kemunculan Tuhan/dewa-dewi/makhluk mitos diikuti dengan penciptaan alam semesta, asal manusia pertama (*premordial man*), kosmologi, kepercayaan, tahyul, pembentukan suku, pembukaan petempatan baru, dan unsur-unsur kehebatan nenek moyang Kadazandusun. Persepsi masa silam orang Kadazandusun dalam aspek-aspek yang disebut di atas juga dibandingkan dengan persepsi masa silam pelbagai suku dan bangsa lain.

ABSTRACT

READING THE PAST OF KADAZANDUSUN BASED ON MYTHS AND LEGENDS

To date, within the Kadazandusun community, myths and legends are still being passed on from one generation to another via oral traditions. Based on verbatim texts obtained through field works as well as in published accounts of Kadazandusun myths and legends, this thesis attempts to read the perception of the Kadazandusuns in terms of aspects such as the origins of gods, the creation of the universe, the origin of primordial man, cosmology, beliefs, superstitions, formation of various tribes and settlements and finally the superiority of the Kadazandusun ancestors. A comparison of the above mentioned perception with those of other tribes and races has also been included as part of the discussion.

BAB 1: PENGENALAN KEPADA PENYELIDIKAN

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Dalam tinjauan awal yang telah dilakukan oleh penulis di beberapa buah perpustakaan di sekitar bandaraya Kota Kinabalu, seperti Perpustakaan Penyelidikan Tun Fuad Stephen, Perpustakaan Awam Negeri Sabah, Perpustakaan Muzium Negeri Sabah dan Arkib Negeri Sabah; didapati ruang untuk mengkaji naratif lisan, khususnya mitos dan legenda di kalangan orang Kadazandusun masih terbuka luas. Hal ini disebabkan, selain beberapa orang ahli antropologi dan sejarawan yang telah merujuk kepada beberapa buah legenda dan mitos, untuk mengupas aspek asal usul dan kepercayaan orang Kadazandusun, penulis belum menemui mana-mana pengkaji sastera rakyat yang menggunakan naratif lisan orang Kadazandusun sebagai korpus dalam kajian ilmiah mereka.

Pada peringkat awal, penulis berminat untuk mengetahui, sama ada naratif lisan masih disebarkan dari mulut ke mulut di kalangan orang Kadazandusun. Semasa penulis dalam percubaan awal bertanyakan beberapa orang rakan yang berketurunan Kadazandusun tentang hal ini, jawapan yang diperolehi oleh penulis amat memberangsangkan. Berdasarkan maklumat awal itu, penulis berusaha melawat ke seberapa banyak kampung Kadazandusun di seluruh Sabah, untuk merakam naratif lisan orang Kadazandusun pada awal tahun 2000. Dalam tempoh hampir setengah tahun, penulis telah memperolehi sejumlah empat puluh buah teks, yang difikirkan mencukupi untuk membuat satu kajian ilmiah ke atasnya.

Melalui penyelidikan ini, penulis berminat untuk membaca lambang-lambang dan maklumat yang dinyatakan secara tersirat dalam teks mitos dan legenda orang Kadazandusun. Dalam konteks ini, istilah "membaca" dirujuk kepada satu proses untuk memahami, dan membuat interpretasi atas teks-teks mitos dan legenda, khususnya lambang-lambang yang dinyatakan dalam teks mitos dan legenda secara tersirat. Tindakan sedemikian difikirkan dapat mendekati persepsi masa silam orang Kadazandusun berhubung dengan hal-hal berkaitan dengan budaya, dan jati diri masa silam mereka.


1.2 Orang Kadazandusun: Satu Pengenalan

Biro Banci Penduduk Bangsa-Bangsa Bersatu (U.N. Census Bureau) melaporkan bahawa pada tahun 1998, terdapat kira-kira 610, 000 orang atau 60% jumlah penduduk di Sabah ialah orang Kadazandusun. Banci ini mengambil kira orang Kadazandusun yang beragama Kristian, Islam dan berkepercayaan animisme. Terdapat pengkaji yang menyatakan bahawa orang Kadazandusun hanya ditemui di bumi Sabah sahaja. Hal ini dicatatkan oleh Alliston (1966:52) seperti berikut:

It is interesting that while there are Muruts in other parts of Borneo, in neighbouring Sarawak and Kalimantan; and most of the coastal peoples have distant cousins somewhere in the Malay Archipelago, the Dusuns alone seem to be confined to Sabah.

Lokasi tempat tinggal mereka tertumpu di sekitar kawasan pantai barat, utara dan kawasan pedalaman Sabah. Lihat Peta 1 seperti berikut:

Peta 1 : Kawasan Petempatan Utama Orang Kadazandusun



Sumber: Tongkul (2002:7)

1.2.1 Asal Usul Kadazandusun Berasaskan Perspektif Saintis Sosial dan Sejarawan

Setakat ini, beberapa penyelidikan dalam bidang sejarah dan antropologi telah dilakukan, sama ada oleh pengkaji tempatan atau pengkaji luar negara dalam aspek sejarah asal usul dan kebudayaan orang Kadazandusun di Sabah. Hasil daripada kajian

yang telah dilakukan, sejarawan dan ahli antropologi telah memperoleh beberapa dapatan menarik tentang asal usul orang Kadazandusun berasaskan perspektif mereka sendiri. Sejarawan sebagai contoh menyatakan sejarah awal asal usul orang Kadazandusun agak samar-samar. Hal ini pernah dinyatakan oleh Whelan (1970:27) sebagai 'No one knows for certain where the Dusun/Kadazan people originated'.

Topin (1981:11) menyatakan bahawa teori berkenaan asal usul keturunan Kadazandusun selama ini telah dibentuk oleh saintis sosial. Pengkaji antropologi manusia melaporkan bahawa bukti pertama kehadiran manusia di Borneo berkait rapat dengan tengkorak manusia berusia kira-kira 35, 000 tahun dahulu yang dijumpai di Gua Niah, Sarawak. Manusia awal di Gua Niah dikenali sebagai *Niahian man*, dan mereka mirip kepada orang Dayak yang berada di Sarawak pada masa kini. Berdasarkan penemuan arkeologi ini, terdapat pengkaji antropologi manusia mengandaikan bahawa besar kemungkinan Gua Madai yang terletak di Sabah telah dijadikan tempat perlindungan untuk pemburu awal di rantau ini. Malangnya, sehingga kini para pengkaji belum menemui bukti yang cukup kukuh tentang siapakah manusia awal yang tinggal di Gua Madai (*Sabah Society Journal 1969-1970, Vol. IV: 7*).

Seterusnya, saintis sosial menganggarkan pada kira-kira 15,000 hingga 20, 000 tahun dahulu telah berlakunya satu siri penghijrahan yang dikenali sebagai penghijrahan "Indo-Malayan". Penghijrahan ini bermula dari selatan China ke arah Asia Tenggara. Didapati kebanyakan peribumi di Borneo pada masa kini terdiri daripada keturunan kumpulan penghijrah Indo-Malayan. Sehubungan itu, Topin (1981:11) mencatatkan:

Blood-group studies show the Borneo Indo-Malayan people to be marked by a particular blood type. Available information of blood

group gene frequencies shows the negrito population to have no significant differences from Indo-Malayan blood group gene frequencies.

Catatan di atas bertalian rapat dengan satu lagi andaian yang dibuat oleh saintis sosial yang menyatakan, bahawa besar kemungkinan manusia paling awal menetap di Borneo ialah orang Negrito. Suku Tasaday di selatan Filipina merupakan subsuku Negrito yang terkini ditemui, manakala orang Timor di Indonesia merupakan subsuku Negrito yang paling maju dan progresif di rantau ini. Topin (1981:12) berpendapat bahawa penghijrah Indo-Malayan pasti dapat menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca dan bentuk muka bumi di Borneo yang bergunung-ganang. Beliau juga mengandaikan bahawa besar kemungkinan nenek moyang orang Kadazandusun terdiri daripada kumpulan penghijrah Indo-Malayan.

Whelan (1970:24-27) turut mengandaikan bahawa pada kira-kira 15, 000 tahun dahulu, nenek moyang Kadazandusun mula berhijrah dari China Selatan ke Vietnam, dari Vietnam ke Filipina dan akhirnya sampai di Borneo Utara. Seterusnya Whelan (1970:25) menggambarkan nenek moyang orang Kadazandusun sebagai:

They were lighter in colour than the Negrito and their bodies were not hairy. The hair on their heads was not woolly but straight and sometimes curly. Some scientists call these people Malaysians and some Indonesians. Others call them Indo-Malayans. The largest group is that of the Dusuns or Kadazans.

Whelan (1970:27) seterusnya menyatakan terdapat cerita rakyat yang membayangkan cara orang Kadazandusun berhijrah dari arah utara ke tempat-tempat lain di Borneo Utara. Salah satu cerita yang disebut oleh Whelan adalah berkenaan

sekumpulan nenek moyang Kadazandusun, yang mula berhijrah dari Sungai Sugut. Pada suatu ketika, mereka beristirahat di bawah sepohon pokok besar di Kaingaran, dari Kaingaran mereka pun berpisah - satu kumpulan menuju ke selatan, satu kumpulan menuju ke barat dan satu kumpulan lagi menuju ke timur. Penulis berpendapat cerita legenda penghijrahan seperti ini mempunyai kebenarannya yang tersendiri.

Williams (1969:6) juga mengemukakan teori asal usul orang Kadazandusun yang hampir sama dengan Topin (1981) dan Whelan (1970). Menurut Williams (1969:6), nenek moyang orang Kadazandusun yang pertama tiba di Borneo Utara pada kira-kira 1,500 S.M. hingga 1,000 S.M. Mereka berasal daripada rumpun Indo-Malayan yang mempunyai bentuk fizikal pendek, iaitu lelaki di bawah lima kaki enam inci dan perempuan lima kaki tiga inci. Selain istilah Indo-Malayan, pengkaji lain seperti Bellwood (1984:103) dan Collins (1998:3-4) menggunakan istilah Melayu Proto¹ untuk merujuk kepada nenek moyang awal orang Kadazandusun.

Charuruks dan Padasian (1992:1) mengandaikan rumpun Austronesia telah menetap di bumi Borneo sejak 4,000 S.M., dan mereka inilah nenek moyang kepada

¹ Menurut P.E. Sarasin (dalam Hall, 1964:7), ada dua gelombang perpindahan orang Melayu ke rantau ini, iaitu orang Melayu Proto yang membawa kebudayaan Zaman Batu Baru (*Neolithic culture*), dan orang Melayu Deutero (*Deutero-Malays*) yang membawa kebudayaan perunggu besi (*Bronze-iron culture*). Moorhead (1959:21) mencatatkan bahawa orang Melayu Proto mula berpindah dari Yunan di barat daya China ke selatan pada kira-kira 3000 S.M. Mereka terdiri daripada ras Tibeto Mongoloid. Orang Jakun di Semenanjung Malaysia merupakan keturunan ras ini. Orang Melayu Deutero yang berasal dari Yunan juga mula berpindah ke selatan sejak 1,500 S.M. hingga 300 S.M. Orang Melayu di Semenanjung Malaysia dan juga di kepulauan Melayu lain seperti Minangkabau, Aceh, Jambi, Sunda, Jawa, Bali, Madura, Banjar, Makasar, Minahasa, Kerinci, Bangkahulu, Lampung dan sebagainya adalah keturunan daripada orang Melayu Deutero (Amat Juhari Moain, 1990:1-2).

orang Kadazandusun, Murut dan Paitan yang ada di Sabah pada hari ini. Sebagai satu istilah khusus, Austronesia bermaksud Pulau Selatan. Istilah ini berasal daripada dua tradisi budaya yang berlainan, yakni daripada bahasa Latin - *Austro* bermaksud "selatan", dan dalam bahasa Yunani - *Neso* yang bermaksud "pulau" (Noor Aina Dani, 2000:6).

Dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1999:683) mencatatkan bahawa orang Kadazandusun merupakan rumpun Mongol (*Mongoloid Stock*) yang berkulit kuning langsung, dan mempunyai bentuk fizikal yang kecil dan pendek. Hujah ini telah disokong melalui penemuan sejarah dan arkeologi, yang mencatatkan bahawa sejak 250,000 tahun dahulu, kepulauan Borneo telah didiami penduduk keturunan Mongol dari selatan China (Timur Himalaya). Dicapitkan bahawa kehadiran penghijrah Mongol secara berperingkat-peringkat ke Borneo telah membentuk pelbagai suku Kadazandusun, yang berbeza dari segi dialek. Tambahan pula, Topin (1981:11) mencatatkan:

It has been said that the Kadazandusun are of Mongoloid Stock that once came from Mogolia. During one of the migratory waves they moved southwards towards the Sundas, traceable only today to include the Philippines and Indonesian Archipelagos, Borneo Island and Peninsular Malaysia with South China Sea enblocked within the present Sunda Shelf.

Akan tetapi, berdasarkan hasil penyelidikan arkeologi yang telah dilakukan di Gua Madai dan Gua Baturong (Lahad Datu), Bukit Tengkorak (Semporna), Gua Tapadong (Segama) dan Lembah Tingkayu membuktikan bahawa sejarah pendudukan manusia yang terawal di Sabah hanya dapat dijejak sehingga ke 28,000 tahun dahulu. Sehubungan itu, Yunus Sauman (2003:1-2) mencatatkan bahawa sehingga kini,

pengkaji arkeologi dan antropologi belum menemui bukti yang cukup kukuh tentang siapakah manusia awal yang tinggal di Gua Madai, dan gua-gua lain di Sabah.

Beberapa orang pengkaji lain mengandaikan ada kemungkinan nenek moyang orang Kadazandusun ialah orang Cina. Sehubungan itu, Harrison dan Harrison (1971:25) mencatatkan:

Some of the oldest cultural features of pagan peoples in northern Borneo have been described by art historians as "Chinese", for example, tattoo designs, basket patterns, earthenware pottery of local manufacture do show some striking parallels to those of China, B.C.

Harrison dan Harrison (1971:25) mengemukakan satu lagi bukti sejarah melalui nama Sungai Kinabatangan, iaitu salah satu sungai terbesar di Sabah. Menurut penulis, kata *kina* bermaksud "Cina" dan *batangan* bermaksud "sungai". Hugh Low, seorang pentadbir British mengaitkan Kinabatangan dengan kegagalan ekspedisi yang dihantar oleh Maharaja Kublai Khan dari China pada tahun 1292 T.M. Tambahan pula, terdapat cerita legenda tentang Ong Soon Peng, iaitu putera Cina yang mendaki Gunung Kinabalu untuk mencari mutiara naga. Harrison dan Harrison (1971:26) berpendapat bahawa "mutiara naga" dalam cerita legenda ini melambangkan kedatangan orang Cina ke Borneo untuk mencari kekayaan dan harta benda. Dalam merumuskan teori nenek moyang orang Kadazandusun berasal dari China, Harrison dan Harrison (1971) mencadangkan agar kajian lebih terperinci dengan merujuk kepada catatan dari China harus dilakukan sebelum sebarang teori dibentuk.

Evans (dalam Topin, 1981:12), seorang lagi pengkaji asal usul orang Kadazandusun turut menyokong teori yang menyatakan bahawa nenek moyang orang

Kadazandusun ialah orang Cina. Dalam kajiannya, Evans mencatatkan beberapa bukti untuk menyokong teori yang dimaksudkan ini. Antara bukti-bukti yang dikemukakan oleh Evans (dalam Topin, 1981:12) ialah:

- i. Petani Kadazandusun memakai topi dan menggunakan alat penanam padi yang sama dengan orang Cina.
- ii. Orang Kadazandusun kelihatan mirip kepada orang Cina.
- iii. Sabah kaya dengan pasu atau tempayan buatan China kuno.
- iv. Terdapat nama-nama tempat yang bermula dengan *Kina* bermaksud "Cina" seperti Gunung Kinabalu dan Sungai Kinabatangan.
- v. Terdapat catatan sejarah yang merekodkan kedatangan rombongan China yang dihantar ke Brunei.
- vi. Terdapatnya kisah legenda kedatangan putera Cina ke Sabah untuk mendapatkan mutiara naga di Gunung Kinabalu.

Selain mengaitkan keturunan orang Kadazandusun dengan orang Cina, terdapat pengkaji lain yang menghubungkan asal usul orang Kadazandusun dengan suku peribumi lain di Asia Tenggara. Enriquez (1927:122-123) mengaitkan asal usul Kadazandusun sebagai imigran dari Annam. Berikut merupakan bukti-bukti tentang perkaitan orang Kadazandusun dengan orang Kachin dan Annam:

The long communal houses, the method of hill cultivation, the rice wine of Borneo, are all repeated on the Burmese border. Both Dusun and Kachin women wear hoops of lacquered cane around their bodies. The animism of the Dusun, with its spirits of trees and mountains, resembles that of the Kachins. Dusun chiefs are called "Orang Tua"; Kachin Chiefs have the title of "Duwa". Both races have the same sort of character, the same superstitious, the same omen, the same curious belief ... (Enriquez, 1927 :122-123).

Secara keseluruhan, jelas terdapat dua teori besar yang dicapai oleh sejarawan dan saintis sosial berkenaan asal usul orang Kadazandusun. Pertama, teori penghijrahan rumpun Indo-Malayan dari Selatan China ke negara-negara di Asia Tenggara. Dalam kajian mereka, saintis sosial dan ahli sejarah mengambil kira aspek fizikal, bahasa pertuturan, kumpulan darah dan bahan hasil kesenian yang dicipta oleh orang Kadazandusun. Para pengkaji hanya memberikan perbezaan dari segi jurang tahun yang amat besar berkenaan penghijrahan Indo-Malayan, iaitu dari tahun 1,000 S.M. hinggalah tahun 20,000 S.M. Kedua, asal usul orang Kadazandusun dikaitkan dengan penghijrahan orang Mongol, orang Cina, atau orang Kachin dan orang Annam dari Myanmar. Kesemua perbincangan di atas menunjukkan terdapat variasi teori, yang telah diberikan oleh pengkaji terhadap sejarah asal usul orang Kadazandusun, baik berdasarkan kajian antropologi ataupun sejarah.

1.2.2 Suku dan Subsuku Orang Kadazandusun

Suku dan subsuku Kadazandusun memiliki ciri-ciri persamaan dari segi bahasa percakapan, kepercayaan dan adat resam (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jil.2*, 1998:954). Luping (1985:6) mencatatkan bahawa setiap suku dan subsuku orang Kadazandusun menuturkan dialek yang sama, walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi gaya dan sebutannya. Dari segi fizikal, mereka memiliki tubuh badan yang tegap dan kebanyakan daripada mereka tidak begitu tinggi. Warna kulit mereka serupa dengan warna kulit orang Cina, iaitu berwarna kuning langsung.

Dari segi kawasan petempatan pula, sejak zaman berzaman orang Kadazandusun mendiami di sebahagian besar kawasan di Borneo Utara. Di persisiran pantai dari Sugut dan Sungai Labuk ke Membakut, dan dari Kudat sehingga ke Tambunan (Lihat Peta 1 di halaman 3). Atas sebab orang Kadazandusun terbahagi kepada sebegitu banyak suku dan subsuku yang berlainan maka perbincangan mengenai petempatan mereka juga harus dilihat berdasarkan suku dan subsuku yang berlainan. Kumpulan suku Kadazandusun utama, yakni Dusun Pusat (*Central Dusun*) terdiri daripada 140, 500 orang (laporan banci 1991), tertumpu di Ranau (50,000 orang), Bundu (70,000 orang) dan yang lain di Beaufort, Kota Belud, Kota Kinabalu, Kota Marudu, Kinabatangan, Keningau, Tawau dan beberapa tempat lain. Dusun Sugut (8,000 hingga 9,000 orang) tertumpu di sekitar Sungai Sugut, Dusun Tambunan berpusat di daerah Tambunan dan Keningau (bilangan tidak dinyatakan), dan Dusun Tempasuk (6,000 orang) pula berpusat di kampung Tempasuk dan Kota Belud (<http://www.sil.org/ethnologue:2>).

Manakala Kadazan Pesisiran Pantai (*Coastal Kadazan*) yang dianggarkan sejumlah 60,000 orang (banci 1986) tertumpu di kawasan Penampang, Papar dan Membakut. Kadazan Labuk-Kinabatangan dalam lingkungan 21,000 hingga 24, 000 orang tinggal di bahagian timur laut Sabah, khususnya di daerah Sandakan, Labuk-Sugut di daerah Kinabatangan. Suku Kimarangan (10,000 orang) tinggal di daerah Pitas dan Kota Marudu. Suku Kuijau (kira-kira 6,000 orang) pula tinggal di daerah Keningau. Suku Lotud (5,000 orang) tinggal di daerah Tuaran dan Dusun Tatana (5,500 orang) tertumpu di daerah Kuala Penyu (<http://www.sil.org/ethnologue:3>).

Contoh-contoh suku dan subsuku Kadazandusun bersama-sama dengan kawasan petempatan geografi ditunjukkan dalam Jadual 1 seperti di bawah:

Jadual 1: Kawasan Petempatan Suku dan Subsuku Kadazandusun

Bil.	Suku	Tempat	Subsuku	Tempat
1.	Dusun Pusat:			
	(a) Dusun Ranau (Liwan/Sarayo)	Ranau	Tegudong	Ranau
			Keranaan	Ranau
			Randagong	Ranau
			Kundasang	Ranau
	(b) Dusun Ranau (Sawa)	Ranau	Tuhawon	Ranau
			Lobu	Ranau
			Sawa	Ranau
			Sinulingan	Ranau
	(b) Dusun Bundu	Ranau	Toboh	Ranau
		Teluk Kimanis Kota Belud	Tiong	Ranau
	(c) Dusun Tambunan	Tambunan	Tagahas	Tambunan
			Tuwawon	Tambunan
Tibabar			Tambunan	
(d) Dusun Kota Belud	Kota Belud	Dusun Tindal	Kota Belud	
2.	Kadazan:			
	(a) Kadazan Penampang (Tanggara)	Penampang	Kadazan Klias	Beaufort
	(a) Kadazan Papar	Papar		

	(c) Kadazan Membakut	Membakut		
3.	Kimaragang	Kota Marudu Pitas	Tandek Sonsogon Sandayo	Kota Marudu Pitas Pitas
4.	Orang Sungai	Kinabatangan	Lingkabau Sukang Kuamuk Minokok Lobu Tombonuwa	Kinabatangan
5.	Idahan	Kota Belud Lahad Datu	Dumpas Tobilong Garo	Sandakan
6.	Kuijau	Keningau	Kohhub Kureo Kiroyou	Keningau Keningau Apin-Apin
7.	Lotud	Tuaran		
8.	Rungus	Kudat Pitas Labuk-Sugut		
9.	Tatana	Kuala Penyu		

Jadual 1: Sambungan [Sumber: Luping (1985:6), Hamiddun Udin (1991:52), dan "Malaysia Sabah" dalam (<http://www.sil.org/ethnologue:2>)]

Jika diteliti, pada tahun-tahun sebelum 1960-an, semua suku dan subsuku Kadazandusun yang dinyatakan di atas dikenali sebagai orang Dusun. Kemudian selepas 1960-an, suku Tanggara di Penampang dan Papar mula memanggil mereka sebagai orang Kadazan manakala suku dan subsuku lain masih menganggap diri mereka sebagai

orang Dusun (Hamiddun Udin, 1991:58). Menurut Reid (1997:120), dalam operasi bancian penduduk yang dikendalikan di Sabah sehingga tahun 1960, istilah "Dusun" digunakan untuk mewakili semua suku dan subsuku Kadazandusun. Istilah "Kadazan" hanya muncul dalam operasi bancian penduduk di Sabah pada tahun 1970. Keadaan sedemikian menimbulkan perbalahan di kalangan orang Kadazan dan Dusun tentang panggilan yang mana satu harus digunakan untuk mewakili rumpun mereka.

Penggunaan istilah "Kadazan" untuk mewakili semua suku dan subsuku Kadazandusun mula disarankan oleh Donald Stephen, pemimpin United National Kadazan Organization (UNKO) pada tahun 1961. Bagi beliau dan penyokongnya yang tinggal di sekitar daerah Penampang, Putatan dan Papar (Bahagian Pantai Barat Selatan Sabah), kata "dusun" dalam bahasa Melayu yang bermaksud "kebun" membawa konotasi yang agak negatif. Di satu pihak yang lain Reid (1997:126-127) mengandaikan kata "kadazan" mungkin berasal daripada kata *kakaadazan* yang bermaksud "pekan". Ada pula pihak yang menyatakan bahawa kata "kadazan" itu sama dengan kata "*kadayan*" atau "kedaian" (*people of the town*). Namun begitu, Stephens dan penyokongnya mengatakan kata "kadazan" bermaksud "orang kita" (*our people*).

UNKO telah menganjurkan satu persidangan pada bulan Ogos 1961, yang dihadiri oleh 25 orang wakil keturunan Kadazandusun, untuk mencapai kata putus sama ada panggilan "Dusun" atau "Kadazan" harus digunakan bagi mewakili semua suku Kadazan dan Dusun. Dalam persidangan tersebut, panggilan Kadazan diluluskan dengan undi terbanyak. Akan tetapi, isu ini tidak berhenti setakat selepas persidangan yang dianjurkan oleh UNKO. Terdapat 6 orang wakil yang mewakili kawasan seperti Ranau,

Tuaran, Kiulu dan tiga lagi kawasan lain tidak berpuas hati dengan keputusan undi dalam persidangan yang dianjurkan oleh UNKO. Mereka berpendapat bahawa majoriti wakil dalam persidangan itu terdiri daripada penyokong Donald Stephen yang datang dari Penampang dan Papar.

Ketidakpuasan hati keenam-enam wakil yang masih mengakui diri mereka sebagai orang Dusun menyebabkan pepecahan mula berlaku di kalangan orang Kadazan dan Dusun (Hamiddun Udin, 1991:59). Ekoran daripada perkembangan Persidangan UNKO 1961, mereka yang tidak berpuas hati telah menubuhkan satu pertubuhan baru yang dikenali sebagai United Sabah Dusun Association (USDA) pada tahun 1967 (Reid,1997:133). Jelas bahawa sehingga tahun-tahun 1980-an, persatuan kebudayaan orang Kadazandusun dibahagikan kepada dua, iaitu Kadazan Cultural Association (KCA) dan USDA. Keadaan sedemikian berlanjutan sehingga tahun 1989 apabila Presiden KCA pada masa itu, yakni Datuk Joseph Pairin Kitingan mengumumkan bahawa KCA akan bertukar nama kepada Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA). Pairin sendiri mengatakan bahawa mereka ingin menegaskan bahawa semua suku dan subsuku Kadazan dan Dusun adalah satu rumpun yang sama (Reid, 1997:135).

Pada 24 Januari 1995, masyarakat Kadazandusun telah menyaksikan satu peristiwa bersejarah yang cukup bermakna untuk diri mereka. Pada hari itulah buat kali pertama wakil-wakil USDA dan KDCA telah bersetuju, bahawa rumpun mereka dikenali sebagai Kadazandusun, dan bahasa yang digunakan oleh mereka juga dikenali sebagai bahasa Kadazandusun. Namun begitu, suku dan subsuku Kadazandusun sehingga ke masa kini masih menggunakan panggilan yang asal seperti Dusun Lotud, Dusun Tatana,

Dusun Tindal, Kadazan Penampang, Kadazan Papar, Rungus dan Orang Sungai untuk membezakan diri dengan suku dan subsuku Kadazandusun lain. Terdapat juga pengkaji lain yang berpendapat bahawa atas sebab istilah Dusun muncul terlebih dahulu daripada Kadazan, maka istilah Dusun-Kadazan harus digunakan (Mat Zin Mat Kib, 2003:26). Dalam sepanjang kajian ini, penulis akan menggunakan istilah "Kadazandusun" sebagaimana yang dipersetujui oleh wakil-wakil USDA dan KDCA pada tahun 1995.

1.2.3 Bahasa dan Dialek Kadazandusun

Pada asalnya orang Kadazandusun menuturkan satu bahasa yang sama, iaitu bahasa Tolinting (Hamiddun Udin, 1991:53). Akibat daripada penambahan penduduk dan penghijrahan orang Kadazandusun ke tempat-tempat lain di Sabah, kini mereka menuturkan berbagai-bagai jenis dialek berlainan, namun semua dialek ini pada dasarnya difahami bersama di kalangan pelbagai suku dan subsuku Kadazandusun disebabkan hanya terdapat sedikit perbezaan dari segi gaya dan penggunaan sesetengah istilah yang berbeza (Alliston, 1966:52). Noor Aina Dani (2000:6) dalam kertas kerja "The Kadazandusun Language: Past and Present" menjelaskan bahawa terdapat sepuluh jenis bahasa yang dituturkan oleh suku Kadazandusun, dan tiga puluh lagi jenis dialek yang dituturkan oleh subsuku Kadazandusun. Pengkaji bahasa seperti Boutin dan Pekkanen (1993:vii) mengkategorikan semua bahasa suku Kadazandusun sebagai bahasa Dusunik (*Dusunic languages*).

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (1999:683) menggolongkan bahasa Dusunik dalam rumpun bahasa Melayu Polinesia. Boutin dan Pekkanen (1993:vii) pula menggolongkan bahasa Kadazandusun ke dalam rumpun bahasa Austronesia Barat. Bahasa Dusunik yang dimaksudkan ialah bahasa Kimaragang, bahasa Dumpas, bahasa Kadazan Tambanua, bahasa Rungus, bahasa Lotud, bahasa Bisaya, bahasa Tatana, bahasa Kuijau, bahasa Kadazan Timur (*Eastern Kadazan*) dan akhir sekali bahasa Kadazandusun² (Smith, 1984: 26). Antara begitu banyak bahasa Dusunik, bahasa Kadazandusunlah yang terkenal, dan mendapat perhatian berat di kalangan pengkaji bahasa. Kini, bahasa Kadazandusun digunakan dalam siaran radio tempatan dan akhbar-akhbar tempatan (Noor Aina Dani, 2000). Akhbar-akhbar tempatan seperti *Daily Express*, *New Sabah Times* dan *Borneo Mail* masing-masing mewujudkan satu ruangan khas menggunakan bahasa Kadazandusun.

Dari segi dialek pula, pengkaji dialek awal seperti Luering (1897) dalam (Miller, 1993:1) telah mula mengkaji dialek Kadazandusun yang disebutkan olehnya sebagai dialek Kimanis. Staal (1926) dalam (Miller, 1993:1) pula mengkaji dialek Kadazan Papar dan Kadazan Penampang, Foran (1967) dalam (Miller, 1993:1) telah mengkaji dialek Dusun Ranau dan dialek Dusun Ulu Tuaran, dan Asmah Haji Omar (1980:178-206) pula mengkaji dialek Dusun Tambunan. Daripada sumber kajian dialek Kadazandusun, didapati setiap suku dan subsuku Kadazandusun di kawasan petempatan yang berlainan menuturkan dialek masing-masing. Di kalangan suku Kimaragang sebagai contoh, didapati mereka yang tinggal di daerah Tandek dan Pitas menuturkan dialek masing-masing. Demikian juga dengan suku Kimaragang yang tinggal di Kampung Longob dan

² Bahasa Kadazandusun pada dasarnya terbentuk daripada dialek Penampang, dialek Dusun Ranau, Dusun Tambunan, Bundu dan beberapa jenis dialek lain.

Masolog menuturkan dialek mereka sendiri (Kroeger, 1993:31). Contoh dialek lain yang dituturkan oleh suku dan subsuku Kadazandusun pula seperti Dusun Sinulihan, Kiudu, Pahu, Sokid, Tindal, Tinagas, Talantang, Mangkaak dan banyak lagi.

Memandangkan orang Kadazandusun mempunyai sebegitu banyak bahasa dan dialek, maka sukar untuk pihak Persatuan Kebudayaan Kadazan Sabah (KOISAAN) membentuk satu bahasa Kadazandusun yang baku. Masalah utama yang dihadapi oleh KOISAAN bersabit dengan usaha pembakuan bahasa Kadazandusun disebabkan setiap suku dan subsuku Kadazandusun tidak dapat mencapai kata sepakat tentang bahasa atau dialek yang mana satukah harus dijadikan landasan kepada pembakuan bahasa Kadazandusun. Kini, KOISAAN telah mengambil keputusan untuk menjadikan bahasa Bundu sebagai asas kepada pembakuan bahasa Kadazandusun, yang akan diperkayakan dengan nahu daripada bahasa Tanggara, Liwan, Tatana, Rungus, Lotud dan sebagainya (Hamiddun Udin, 1991:56).

Kini, didapati bahasa dan dialek yang dituturkan oleh orang Kadazandusun turut dipengaruhi oleh pelbagai bahasa lain. Hal ini dijelaskan oleh Williams (1969:5) seperti berikut:

Today Dusun use a variety of loan words which have been borrowed from long term contacts with Indians, Chinese, Arabs, Malays, and Europeans. Some Malay is spoken by many Dusun since it has been a "trade" and "school" language.

Secara keseluruhan, didapati kebanyakan orang Kadazandusun dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan gaya Sabah. Salah satu faktor yang menyebabkan

keadaan ini berlaku telah dinyatakan oleh Noor Aina Dani (2000:6) dalam catatan seperti berikut:

The Dusun language is closely related to the Malay language in the sense that almost 20 per cent of the Dusun vocabulary are cognates of Malay (that is similar in sound and meanings). For example, the Malay word 'telinga' (which means ear) is 'tolinga' in Dusun, and likewise, 'mata' (which means eye) is 'mato' in Dusun.

Tambahan pula, sekolah-sekolah di Sabah telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah sejak dari tahun-tahun 1960-an. Bahasa Melayu juga dijadikan bahasa *lingua franca* di tamu dan di tempat-tempat perniagaan di kalangan suku kaum yang berlainan di seluruh Sabah. Hal ini membolehkan pengkaji merakam cerita mitos dan legenda dalam bahasa Melayu daripada orang Kadazandusun.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini pada dasarnya bertujuan untuk meneroka hal-hal masa silam orang Kadazandusun berasaskan teks-teks mitos dan legenda yang diperolehi daripada kerja lapangan dan juga sumber kedua. Dalam kajian ini, penulis cuba memahami dan membuat interpretasi menerusi teks-teks mitos dan legenda untuk mendekati persepsi masyarakat silam orang Kadazandusun terhadap penciptaan alam semesta, asal usul manusia, kepercayaan dan tahyul, pembentukan suku, pembukaan tempat baru dan konsep kosmologi. Dengan berbuat demikian, diharapkan kajian ini dapat menghasilkan satu perspektif sastera rakyat berkenaan dengan hal-hal masa silam Kadazandusun yang disebutkan tadi.

Kedua, penyelidikan ini bertujuan mengumpul teks-teks mitos dan legenda, yang masih diceritakan secara lisan di kalangan pendukung aktif (*active carriers of tradition*) orang Kadazandusun di Sabah. Sememangnya hampir semua pengkajian sastera rakyat bermula dengan rakaman cerita, dan diikuti dengan proses transkripsi (Mohd. Taib Osman, 1991:4). Kedua-dua proses ini merupakan tahap yang amat penting untuk pengkaji mendokumentasikan cerita lisan kepunyaan orang Kadazandusun. Hal ini disebabkan cerita legenda dan mitos tidak lagi memainkan peranan dalam arus utama kehidupan masyarakat Kadazandusun pada zaman yang serba moden ini. Tambahan pula, pendukung aktif mitos dan legenda juga semakin lanjut usianya. Dengan merakam dan mentranskripsikan mitos dan legenda dalam bentuk teks, salah satu tradisi budaya rakyat orang Kadazandusun akan diabadikan sebelum lenyap ditelan zaman.

Selain itu, mitos dan legenda merupakan produk manusia sendiri. Oleh itu, kisah sedemikian sememangnya mencerminkan keadaan sosial, pengetahuan silam dan persepsi anggota masyarakat terhadap segala benda dan kejadian di sekelilingi mereka. Dengan kata lain, kajian sedemikian mempunyai kepentingan dari segi memahami dan mendekati persepsi masa silam orang Kadazandusun terhadap hal-hal seperti penciptaan alam semesta, asal usul manusia, kepercayaan, tahyul, kosmologi, pembentukan suku dan pembukaan tempat baru.

1.4 Mitos dan Legenda sebagai Korpus Kajian

Antara begitu banyak genre sastra rakyat, genre mitos dan legenda sering mendapat tumpuan daripada para pengkaji dalam bidang sastra rakyat, sejarah dan sains sosial. Definisi mitos dan legenda sudah begitu banyak dibicarakan oleh sarjana sastra rakyat dan sains sosial. Memandangkan penyelidikan ini difokuskan kepada aktiviti membaca dan menganalisis teks verbatim mitos dan legenda, dan bukannya mengkaji mitos dan legenda sebagai satu genre yang khusus, maka definisi untuk kedua-dua genre sastra rakyat ini hanya akan dibincangkan secara ringkas sahaja. Pertama, pengkaji sastra rakyat seperti Dorson (1972:160) menjelaskan bahawa, 'a myth is being laid in an ancient or prehistoric times ...'

Hoebel dan Frost (1976:336) semasa membezakan mitos dengan genre sastra rakyat yang lain mencatatkan:

Myth is differentiated from other genres of folklore in that it deals with sacred and semidivine beings in a time when the world was different and they tell how, through the activity of such beings, things came to be as they are.

Lang (1996) yang membuat kajian tentang peranan mitos dalam upacara *ritual* dan sistem agama lampau, menjelaskan bahawa mitos merupakan cerita-cerita masa silam yang cuba menjawab soalan yang berkait rapat dengan asal usul manusia dan kewujudan alam semesta di sekeliling mereka. Seterusnya Lang (1996:300) memberikan penjelasan seperti berikut:

The divine myths try to answer these questions: "How did this world begin?" "Who made things?" "What are the powers, felt to be greater than ourselves, which regulate the order of events and control the

destinies of men?" Myths reply to all these questionings, and the answers are always in accordance with the early nebulous condition of thought and reason where observation lapses into superstition, religion into science, science into fancy, knowledge into fable.

Pendek kata, sesuatu cerita mitos berlegar dalam satu dimensi masa jauh sebelum wujudnya sistem dan susunan dunia yang sedia ada. Dunia sebegini sering digelar oleh pengkaji mitos sebagai "dunia mitologikal" (*Encyclopedia International, Vol 12, 1973:403*). Daripada pespektif agama, mitos boleh diertikan sebagai cerita yang menyampaikan idea-idea sosial dan kepercayaan melalui watak-watak dewa, dewi atau Tuhan (*divine*), manusia dan binatang berserta dengan kejadian luar biasa.

Dari segi legenda pula, dicatatkan oleh pengkaji bahawa subjek legenda pada peringkat awal di dunia Barat amat berkait rapat dengan kisah kesaktian yang pernah dilakukan oleh wali-wali Kristian (*The World Book Encyclopedia, Vol 11, 1962:161*). Kisah yang dimaksudkan seperti St. Haralampos yang menjelmakan seekor katak sebagai pelindung untuk menghalang serangan orang Jerman atas bandar Greek, atau cerita tentang cara St. Anthony menolong seorang gadis Itali, dengan melemparkan gambarnya keluar dari tingkap, tatkala itulah dia menemui jodohnya disebabkan gambar berkenaan jatuh atas tubuh seorang jejaka di jalan (Dorson, 1972:162).

Dalam pengertian umum, Dorson (1972:159) menyatakan bahawa legenda diertikan sebagai peristiwa yang telah diperbesar-besarkan (*exaggerated*). Dorson (1972) seterusnya mencatatkan bahawa legenda merupakan naratif lisan tradisional yang dianggap benar oleh pencerita dan ramai anggota masyarakat yang pernah

mendengar cerita yang didukung bersama. Cerita yang dimaksudkan itu diwarnai dengan unsur-unsur luar biasa (*supernatural*).

Selepas mesyuarat *International Society for Folk-Narrative Research* di Budapest pada tahun 1963, semua pengkaji genre legenda di Barat cuba mencari satu definisi yang tepat untuk istilah legenda. Ekoran itu, pengkaji legenda dari Amerika, Georges (dalam Mohd Khalid Taib, 1989:165) memberikan definisi legenda sebagai naratif lisan atau cerita berunsurkan sejarah yang baru berlalu. Cerita legenda turut dipercayai benar oleh pencerita dan pendengarnya. Jason (1981:94) pula berpendapat bahawa definisi tentang legenda yang terbaik ialah definisi yang diutarakan oleh Grimm bersaudara yang berbunyi 'a legend is a story that is believed, and that is told about a definite (real or fabulous) person, event, or place'.

Di Sabah, terdapat sejarawan dan ahli antropologi yang cuba mengupas asal usul dan kebudayaan orang Kadazandusun telah merujuk kepada cerita mitos dan legenda, yang tersebar luas di kalangan orang Kadazandusun. Harrison dan Harrison (1971:24) yang mengkaji hal-hal zaman prasejarah Sabah umpamanya, telah menegaskan peri mustahaknya bidang sastera rakyat (tradisi lisan) dalam mengenal pasti hubungan masa silam Sabah dengan tempat-tempat lain. Sehubungan itu, Harrison dan Harrison (1971:24) mencatatkan:

The complexity, within simplicity, of Sabah's earliest known contacts can be illustrated by taking five instances from the oral literature, the folklore of this land. Two of the five occur also in the folk beginnings of the earliest written texts ...

Didapati mitos dan legenda sememangnya dipandang serius oleh anggota masyarakat yang mendukungnya. Pencerita mitos dan legenda mempercayai bahawa kisah yang disampaikan olehnya adalah benar (Knappert, 1980:25-26). Begitu juga dengan anggota masyarakat yang mendukung cerita mitos dan legenda. Jansen (1976:265), seorang pengkaji legenda dan tradisi lisan memberikan catatan tentang unsur kepercayaan dalam cerita legenda seperti berikut:

The breaking point between the legend and pseudo-legend on one side, and all other realistic oral narratives on the other may well be the survival of belief after the performance of a given narrative is completed. If having heard a narrative, the auditor still believes, or knows that the performer still believes (as may be the case with different cultural backgrounds for narrator and hearer), then the narrative – at least in this performance, is a legend.

Pencerita mitos tentang nenek moyang manusia yang pertama juga menganggap cerita yang disampaikan olehnya adalah benar sebagaimana penganut agama agung pada masa kini percaya bahawa Tuhan mencipta Adam daripada tanah merah, dan kemudian Tuhan mencipta Hawa daripada tulang rusuk kepunyaan Adam. Sebagai perbandingan, cerita rakyat seperti Snow White, Cinderella, Kura-kura Berlumba dengan Arnab, lumrahnya tidak dipercayai oleh anggota masyarakat yang mendukung cerita yang sedemikian. Anggota masyarakat sedar bahawa cerita sedemikian rupa hanyalah hiburan semata-mata.

Oleh sebab mitos membicarakan watak-watak Tuhan, dewa-dewi dan makhluk luar biasa, maka mitos juga dianggap suci. Legenda kurang mendapat tanggapan demikian kerana legenda membicarakan tentang tokoh-tokoh manusia biasa, kecuali tokoh legenda keramat yang dianggap suci. Watak dewa dan dewi yang muncul dalam